

JAKIM: PERANAN DAN SUMBANGANNYA TERHADAP MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA

Siti Nur Wafiqah Mohamed Zain¹
Siti Nurafiqah Zahirah Salikin²
Siti Norshafiqah Abdullah³
Syed Najihuddin bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mel: sitinurwafiqah@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mel: afiqahzahirah1310@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mel: fiqah99@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mel: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstrak: JAKIM atau nama lengkapnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia adalah sebuah institusi utama pengurusan Hal Ehwal Islam dan pembangunan ummah di peringkat persekutuan serta badan yang menjaga dan memelihara hak-hak dan kemaslahatan umat Islam di Malaysia. Islam merupakan agama rasmi Malaysia dan rukun Iman dan rukun Islam merupakan tonggak utama dalam syariat Islam. Oleh itu, penubuhan JAKIM ini adalah atas dasar untuk memastikan agama Islam sentiasa dipelihara syariatnya dan dipertahankan dari ancaman-ancaman yang dapat mengganggu gugat kesucian dan kedaulatan Islam seperti isu-isu kecelaruwaan akidah dan ajaran-ajaran sesat yang seterusnya boleh memudaratkan kestabilan dan keharmonian agama Islam di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam penulisan kajian dan pengumpulan data dan maklumat untuk kajian ini adalah melalui kaedah pemerhatian dan kajian perpustakaan. Memandangkan penyelidikan adalah dengan mengumpul, mengenal pasti dan mentafsir data, maka tiada penglibatan peserta kajian mahupun responden dalam kajian ini. Kajian ini secara khususnya dilakukan bertujuan untuk mengkaji tentang sejarah penubuhan dan pengenalan terhadap JAKIM serta sumbangan dan peranan badan organisasi ini terhadap umat Islam di Malaysia. JAKIM merupakan sebuah penubuhan organisasi yang telah memberi banyak manfaat kepada masyarakat. Dengan wujudnya sebuah organisasi sebegini maka telah dapat membantu dan melestarikan sebuah kehidupan umat Islam yang selesa, aman sentosa dan harmoni di samping bersama warganegara yang bukan beragama Islam.

Kata kunci: JAKIM, Syariat Islam, Hal Ehwal Islam.

Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara dengan kepelbagaian rakyatnya yang berbilang agama, bangsa, bahasa dan budaya. Kepelbagaian ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik.

Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Hujurat, ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu Dengan Yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, Allah telah menyatakan dengan jelas bahawa manusia diciptakan berbilang bangsa dan bersuku puak agar dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain. Islam merupakan agama rasmi di Malaysia. Namun tidak bermakna rakyat-rakyatnya tiada kebebasan untuk menganut agama lain. Hal ini demikian kerana Islam tidak menyekat hak kebebasan mengamalkan agama bagi penganut agama lain. Mengurus negara dengan kepelbagaian agama, bangsa, bahasa dan budaya ini merupakan suatu amanah yang besar dan mencabar. Oleh sebab itu, kewujudan JAKIM atau Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sebagai institusi utama pengurusan hal ehwal Islam dan pembangunan ummah di Malaysia berperanan dalam memelihara agama Islam dan hak-haknya dalam negara yang berbilang agama ini, selaras dengan kedudukannya sebagai agama Persekutuan.

Setiap rakyat tidak kira agama dan bangsa mestilah hormat dan akur dengan kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia dan diberikan hak serta kedudukan istimewa oleh Perlembagaan. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang institusi penting dalam Malaysia ini serta peranan dan sumbangannya terhadap Malaysia khususnya kepada ummah. Secara ringkasnya, kerangka kajian ini memfokuskan tentang sejarah awal penubuhan JAKIM, peranan dan sumbangannya kepada masyarakat Malaysia dalam pelbagai bidang.

Kajian Literatur

Agama Islam merupakan antara agama yang paling banyak dianuti di dunia. Seiring dengan peredaran zaman, penerimaan terhadap Islam semakin terbuka. Walaubagaimanapun, isu penindasan terhadap Islam masih lagi wujud di era modenisasi kini. Malaysia merupakan antara negara yang bertuah kerana isu ini tidak terlalu meluas berlaku di negara. Konflik dan pertembungan yang melibatkan perbezaan agama dan bangsa sering terjadi dalam sesebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Lantaran itu, langkah berjaga-jaga dan pencegahan terhadapnya hendaklah sentiasa dilakukan demi memastikan keharmonian dan kemaslahatan umat Islam di Malaysia. Salah satu pertubuhan yang bertanggungjawab dalam hal ini adalah JAKIM, sebuah institusi utama yang memelihara dan memastikan hak-hak umat Islam serta hal ehwal Islam sentiasa dipelihara.

Sejak mula penubuhannya, JAKIM banyak memberi peranan dan sumbangannya terhadap pembangunan ummah dan negara. JAKIM berperanan dalam menentukan dan merangka dasar pembangunan dan kemajuan hal ehwal Islam di Malaysia serta memelihara kesucian ajaran Islam. Kajian ini banyak memfokuskan tentang fungsi dan peranan JAKIM berpandukan kepada perlembagaan di Malaysia. Sistem pemerintahan demokrasi di Malaysia ini membolehkan rakyatnya memilih pemimpin yang berkualiti di samping masih mengekalkan kemaslahatan ummah Islam dan menjaga keharmonian agama dan etnik di Malaysia. Penyelidikan terdahulu tertumpu kepada akidah masyarakat di Malaysia semasa di era 3 (tiga) pemerintahan parti politik iaitu Barisan Nasional (BN), Perikatan Nasional (PN), Pakatan Harapan (PH). Ketiga-tiga parti politik ini menggunakan konsep yang berlainan dalam pengurusan akidah masyarakatnya, namun masih mengekalkan konsep bahawa agama persekutuan Malaysia adalah

agama Islam. Walaupun berbeza parti politik dan pendekatan, akan tetapi agensi pengukuhan dan pemerkasaan agama Islam tetap dipertahankan (Rambli, S., Engku Alwi, E. A., Awang, A., Che Mat, A., & Ramly, A. F., 2022).

Selain itu, kajian lain lebih cenderung kepada aktiviti dakwah JAKIM dan beberapa pertubuhan lain yang bertanggungjawab dalam menjalankan dakwah kepada masyarakat orang Asli di kawasan pedalaman. Penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap agama Islam dilihat mencabar ditambah dengan pegangan tipikal Animisme sejak turun temurun yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli (Jamilah Mohd Zain dan Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2014).

Dari segi pendidikan, Penubuhan Darul Quran dikelolai sepenuhnya oleh JAKIM pada tahun 1966 bertitik tolak sebagai sebuah institusi yang memperjuangkan ilmu-ilmu al-Quran khususnya dalam bidang tahfiz al-Quran. Selain daripada memfokuskan pengajian bagi golongan biasa yang berpenglihatan, ia juga menumpukan pengajian terhadap golongan OKU Penglihatan (OKUP). Darul Quran berfungsi dalam menjalankan program pengajian Tahfiz Al-Quran dan Qiraat di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah selain membantu pihak berkuasa agama negeri dalam melaksanakan program-program kursus dan latihan yang berkaitan dengan pengajian Al-Quran. (Yusri Chek & Sabri Mohamad, 2016).

Dari sudut yang lain, masyarakat Islam di negara ini masih berhadapan dengan isu-isu pemalsuan label halal, isu pemprosesan bahan makanan yang tidak mengikut syariat Islam, isu kandungan bahan makanan yang tidak jelas dan isu kebersihan yang tidak berkesudahan. Hasil daripada kajian yang lain, JAKIM dan JAIN telah menggalas tanggungjawab dalam memainkan peranan dalam penyalahgunaan label halal berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan dan manual halal seperti Standard Halal Malaysia MS1500:2009 dan Manual Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi melihat pelaksanaan tindakan pentadbiran oleh pihak yang mempunyai otoriti dalam pelabelan halal. Menurut Mustafa 'Afifi bin Ab. Halim, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh (2018) industri halal semakin pesat berkembang bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia dan permintaan yang tinggi terhadap industri ini telah menyebabkan pihak industri berusaha untuk memenuhi permintaan-permintaan pengguna.

Makanan halal bukan sahaja menjadi pilihan pengguna Muslim semata-mata, malah ianya telah mula menjadi pilihan semua pengguna merentas sempadan tempat, bangsa dan agama. Situasi ini didorong dengan pertambahan penganut Islam di seluruh dunia, mempunyai pengetahuan dan tahap ekonomi yang tinggi yang mana menyebabkan permintaan kepada produk halal semakin meningkat (Mustafa & Kamilah, 2012). Secara ringkasnya, hasil daripada penelitian kajian-kajian yang lepas, kebanyakannya hanya menumpukan terhadap peranan dan sumbangan JAKIM terhadap satu konteks dan bidang sahaja. Oleh itu, kajian ini memfokuskan tentang sejarah penubuhan, peranan dan sumbangannya terhadap masyarakat Malaysia dalam pelbagai bidang memandangkan setakat ini belum terdapat kajian yang menghimpunkan peranan dan sumbangan JAKIM dalam pelbagai bidang. Secara tuntasnya, peranan dan sumbangan JAKIM sangat besar dan penting khususnya terhadap kemaslahatan dan keharmonian umat Islam di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dalam mengumpul dan menganalisis data dan maklumat. Metodologi penyelidikan adalah prosedur, proses, atau kaedah sistematik dalam sesebuah kajian dan penyelidikan, pengetahuan untuk mendapatkan objek, data, dan sumber yang dikehendaki. Data diperoleh melalui kaedah penyelidikan perpustakaan yang menggunakan pelbagai bahan dan sumber literatur yang berkaitan dengan topik kajian, termasuk buku, artikel, jurnal, akhbar, internet, dan bahan-bahan yang diterbitkan atau tidak diterbitkan sebelum ini. Oleh kerana penyelidik adalah orang yang mengumpulkan, mengenal pasti, dan menafsirkan data, tidak ada peserta penyelidikan atau responden yang terlibat dalam kajian ini.

Sejarah Penubuhan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah sebuah agensi agama di Peringkat Persekutuan Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri yang menjaga dan memelihara hal ehwal Islam dan kemaslahatan ummah di Malaysia (Surip, A. G., Nasir, B.M., & Baharuddin, A. S., 2016). Pada awal sejarah

penubuhannya, JAKIM asalnya dikenali sebagai Urusetia Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Urusetia MKI) yang ditubuhkan pada tahun 1968. Sejak penubuhannya, dalam tempoh 1970 hingga 1980, sebanyak 200 isu dasar berkaitan agama Islam telah dibincangkan dalam lebih 20 kali Persidangan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah diadakan. Penubuhan Pusat Penyelidikan Islam (PPI), penubuhan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), penubuhan Maktab Perguruan Islam (MPI), penubuhan Sekolah Menengah Agama Sarawak, penubuhan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Wa al-Qiraat dan penubuhan Lembaga Penyelaras Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) adalah antara perkara terawal yang diputuskan oleh MKI.

Pada tahun 1974, Urusetia MKI telah dinaiktaraf menjadi Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri selaras dengan terbentuknya Wilayah Persekutuan. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang diletakkan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) juga ditubuhkan pada waktu ini. Seiring dengan penaikan taraf Urusetia MKI menjadi Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri, beberapa cawangan baru telah ditubuhkan dan diletakkan di bawah bidang kuasa jabatan ini. Masjid Negara (1965), Ma'ahad Tahfiz (1966), Pusat Penyelidikan Islam (1971), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (1974) dan Institut Dakwah dan Latihan Islam (1974) adalah antara institusi yang sudah wujud pada waktu itu. Oleh kerana Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri yang semakin pesat berkembang, menjelang tahun 1980, pejabat cawangan ini yang sebelumnya terletak di beberapa lokasi di Kuala Lumpur telah mendapat peruntukan untuk membina kompleks baru yang terletak di Jalan Perdana, Kuala Lumpur.

Pada tahun 1984, struktur organisasi Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri telah dirombak dan disusun semula serta diperbesarkan lagi. Pada tahun berikutnya, nama Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri dutukar kepada Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri pada 21 Mei tahun 1985 bersamaan 1 Ramadhan 1405 Hijrah dan pada tahun yang sama, BAHEIS berpindah ke bangunan baru. Bermula pada tahun ini juga, semua cawangan Bahagian Ugama ditempatkan di Kompleks Pusat Islam Malaysia yang terletak di Jalan Perdana, Kuala Lumpur.

Seterusnya, seiring dengan perkembangan negara dan keperluan ummah, BAHEIS disusun semula dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (JKI) kali ke-24 pada 24 Jun 1995. Jawatankuasa Petugas Menyusun Semula Fungsi Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara diamanahkan untuk meneliti cadangan penyusunan semula peranan dan organisasi ini. Seterusnya, BAHEIS telah dinaik taraf kepada JAKIM, Jabatan Perdana Menteri pada 1 Januari 1997 (JAKIM, 2021).

JAKIM pada awal penubuhannya mempunyai 14 bahagian, namun seiring dengan perkembangan semasa, JAKIM berkembang kepada 19 bahagian yang terdiri daripada;

1. Bahagian Penyelidikan
2. Bahagian Dakwah
3. Bahagian Keurusetiaan dan Perhubungan Antarabangsa
4. Bahagian Pentadbiran Kewangan
5. Bahagian Penerbitan
6. Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam
7. Darul Quran
8. Bahagian Latihan
9. Institut Latihan Islam Malaysia
10. Bahagian Pembangunan Media Elektronik dan Penyiaran
11. Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Pengurusan Masjid
12. Bahagian Inormasi Islam
13. Bahagian Penasihat Undang-undang
14. JAKIM cawangan Sarawak
15. JAIM cawangan Sabah

16. Cawangan Audit Dalaman
17. Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan Undang-undang
18. Bahagian Penyelaras Baitulmal
19. Bahagian Kajian Makanan dan Barangan Gunaan Orang Islam

Daripada sejarah ringkas di atas, JAKIM telah melalui beberapa fasa perubahan sebelum akhirnya dikenali sebagai JAKIM, institusi paling penting di Malaysia yang memelihara kemaslahatan Islam. Institusi ini kini diketuai oleh Ketua Pengarah, Datuk Hakimah binti Mohd Yusoff dan dibantu oleh tiga orang Timbalan Ketua Pengarah yang terdiri daripada Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimie, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Ruslan bin Said, dan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), Ahmad Fuad bin Apandi.

Peranan-Peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM Dalam Pembangunan Di Malaysia

JAKIM merupakan sebuah institusi yang memastikan kemaslahatan rakyat Malaysia terutamanya umat Islam. Oleh itu, institusi ini mempunyai banyak peranan dalam pelbagai cabang, antaranya ialah

1. Peranan Dalam Aspek Makanan Halal

JAKIM dan Halal Industry Development Centre (HDC) adalah dua agensi yang sering dikaitkan dan bertanggungjawab dalam Pensijilan Halal di Malaysia. Kedua-dua agensi ini memainkan peranan yang sangat penting dalam industri halal Malaysia namun peranannya sangat berbeza. JAKIM lebih tertumpu kepada pensijilan halal dan pematuhan kepada standard halal manakala HDC tertumpu kepada pembangunan industri halal tempatan, global dan pemasaran produk halal. Selain dari JAKIM dan HDC, terdapat juga agensi lain turut memainkan peranan dalam industri halal di Malaysia seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI). Peranan JAKIM tidak hanya tertumpu kepada Hal Ehwal Islam dan isu akidah semata-mata, namun ia juga melibatkan isu makanan dan pensijilan di Malaysia.

Sebagai badan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pensijilan halal di Malaysia, Bahagian Halal JAKIM memainkan peranan penting dalam kepenggunaan produk dan kemajuan industri halal di Malaysia. Sijil halal yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM telah diakui antara yang terbaik dan diiktiraf kebersihannya oleh pengguna. Dengan adanya pensijilan halal JAKIM pada produk tersebut, merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi keputusan pengguna untuk membeli sesuatu produk atau tidak (Khaizie, 2012). Selain itu, pihak JAKIM telah mengambil pendekatan dalam meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai berkaitan status dan ketulenan halal sesuatu produk. Antara langkah yang diambil seperti menyediakan laman sesawang berkaitan produk halal. Dalam laman sesawang tersebut, pengguna boleh bertanyakan soalan serta mendapatkan maklumat berkaitan industri halal di Malaysia. Disamping berperanan dalam hal ehwal pengeluaran sijil halal di Malaysia, pihak JAKIM juga membuat pengiktirafan halal untuk badan luar negara. Hal ini bagi mengesahkan status halal iaitu sumber bahan mentah dan produk yang dikeluarkan oleh negara tertentu bagi tujuan pengimportan namun ianya tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

2. Peranan Terhadap Isu Akidah dan Penyelewengan Agama

Selain berperanan dalam aspek industri makanan di Malaysia, JAKIM juga berperanan dalam menyumbang dan membantu memperkasakan akidah penganut Islam di Malaysia dengan diperkukuhkan lagi dari kerjasama beberapa pihak antaranya Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Mufti Negeri di Malaysia serta institusi-institusi lain yang turut membantu termasuk Badan Bukan Kerajaan NGO dan para pendakwah di Malaysia. JAKIM yang bertindak selaku penyelaras sekaligus mengetuai rakan strategik yang lain berperanan dan mempertahankan keutuhan pegangan akidah tanpa

mengetepikan kemajmukan agama dan budaya yang sedia ada di Malaysia. Terdapat beberapa ajaran sesat yang masih aktif di Malaysia.

Selain itu, JAKIM juga terlibat dalam perkembangan dakwah Islam di Malaysia selain dimainkan oleh badan badan yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan seperti IKIM (Institut Kefahaman Islam Malaysia), dan YADIM (Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia) dan beberapa pertubuhan dakwah oleh kumpulan atau individu tertentu (Dahalan,Z. ,2008). JAKIM berperanan untuk memperkasakan kegiatan dakwah Islamiyyah yang lebih strategik, dan menghalang kumpulan, organisasi dan individu yang cuba menyebarkan ajaran sesat dan tarikat yang menyeleweng melalui media social seperti Facebook dan Twitter dengan penubuhan unit penyelidikan. Dengan memperjuangkan syiar Islam agar terus berada dalam landasan Rahmatan lil A'lamين dan berteraskan Maqasid Syariah JAKIM sangat berperanan untuk memperkukuhkan akidah penganut Islam terutamanya agar tetap terpelihara dan terjaga dari kesesatan yang mampu mengakibatkan pepecahan dan perbalahan sesama umat Islam. Oleh itu, pencerahan mengenai isu-isu akidah yang wujud dalam masyarakat Islam, khususnya di Malaysia perlu diberi keutamannya bagi mempertingkatkan kefahaman setiap umat (Mohd Aizam Mas'od, 2015). Islam itu adalah rahmat daripada Allah SWT kepada seluruh alam tanpa mengira batas bangsa, warna kulit dan merupakan agama yang diredhai oleh Allah SWT. Seperti firman-Nya di dalam al-Quran.

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۗ

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah adalah Islam”

(Ali-Imran: 19)

3. Peranan Terhadap Hal Ehwal Islam

Selain itu, JAKIM memainkan peranan yang besar dalam Hal Ehwal Islam di Malaysia. Sebagai sebuah agensi utama pengurusan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan serta urus setia kepada Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI), maka JAKIM akan menfokuskan dan melaksanakan tiga fungsi utama yang digariskan. Fungsi yang pertama ialah penggubalan dan penyeragaman Undang- Undang Syarak, yang kedua ialah penyelarasan dan pembangunan Pendidikan Islam, dan yang terakhir ialah penyelarasan pentadbiran Islam.

Berteraskan tiga fungsi utama tersebut, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, dibawah kepimpinan Jabatan Perdana Menteri akan menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai agensi pusat dalam perancangan pengurusan Hal Ehwal Islam dan pembangunan ummah dengan gerak- geri atur kerja yang telah digariskan. Antara gerak kerja yang pertama ialah bertanggungjawab sepertimana perancang yang menentukan pembangunan dan kemajuan Hal Ehwal Islam di negara ini. Yang kedua pula ialah penelitian usaha dalam merangka dasar bagi pembangunan Hal Ehwal Islam di negara ini dan menjaga kesucian akidah dan ajaran Islam.

Selain itu, gerak kerja ini juga akan mengorak langkah dengan membantu menggubal dan menyeragam undang- undang dan peraturan yang diperlukan serta menilai dan menyelaraskan pelaksanaan undang- undang dan pentadbiran yang sedia ada dari masa ke semasa dalam usaha untuk menyelesaikan masalah- masalah umat Islam. Dalam pada itu, ianya juga akan melibatkan penyelarasan mekanisme penguatkuasaan undang-undang serta peraturan- peraturan pentadbiran Hal Ehwal Islam di seluruh negara. Seterusnya, JAKIM juga menjalankan gerak kerja dengan melaksanakan program- program pembangunan ummah dan penghayatan Islam dalam pengurusan negara disertai dengan membuat penilaian program- program Hal Ehwal Islam yang dilaksanakan di negara ini.

Disamping itu, JAKIM memainkan peranan yang penting dengan bertindak sebagai pengumpul, penyebar dan pusat rujukan maklumat mengenai hal ehwal Islam. Akhir sekali, berusaha mempertingkatkan

syiar agama islam dengan melaksanakan usaha- usaha pembangunan ummah melalui kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa (JAKIM, 2020).

4. Peranan terhadap Perhubungan Antarabangsa

Peranan JAKIM terhadap Hal Ehwal Islam tidak sahaja terhad di dalam negara, tetapi JAKIM juga turut memainkan peranan dan tanggungjawab dengan menjalinkan hubungan kerjasama antarabangsa bersama negara- negara islam yang lain, terutamanya dalam bidang kerjasama dan hubungan diplomatik dengan negara-negara Islam. Malaysia banyak terlibat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang dikendalikan melalui JAKIM berkaitan dengan penglibatan program-program anjuran Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama; Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS), Forum Silaturrahi Kemakmuran Masjid Serantau(FORSIMAS) dan Regional Islamic Da'wah Council Of Southeast Asia & The Pacific (RISEAP) (Hamdani, S. M., Abd Ghani, Z., Noor, K. M., & Mahyuddin, M. K. ,2021).

Malaysia telah memainkan peranan yang penting semasa menganggotai pertubuhan OIC yang mana ianya memperjuangkan dasar penyatupaduan dunia islam, dengan menjadi perantaraan bagi menyelesaikan konflik Iran-Iraq melalui OIC, memberi sokongan yang kuat kepada perjuangan dan hak rakyat Palestin. Selain itu, Malaysia juga berusaha membantu perkembangan pendidikan, dan memberi bantuan kewangan dan kemanusiaan kepada mangsa bencana alam dan peperangan di negara- negara islam yang terlibat (JAKIM,2012).

Bergerak seiring dengan matlamat keagamaan bagi menjaga maslahat dan kepentingan umat Islam tanpa mencampuri hal-hal yang bersifat politik negara-negara anggota, Malaysia menerusi JAKIM berperanan secara aktif dalam setiap program MABIMS. Antara peranan yang dilaksanakan oleh JAKIM ialah menyediakan modul kursus pengendalian makanan halal MABIMS, menyediakan takwim hijriyah hingga tahun 2020M/1442H, menyediakan garis panduan berijtihad, menyediakan prosedur Fatwa MABIMS, dan menyediakan mekanisme pelaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam (Hamdani, S. M., Abd Ghani, Z., Noor, K. M., & Mahyuddin, M. K. ,2021).

Selain itu, JAKIM juga memainkan peranan yang penting dalam merancang, mengurus setiakan dan menyelaras pelaksanaan penganjuran Majlis Tilawah dan Menghafaz al- Quran Peringkat Antarabangsa (MTHQA) yang dianjurkan bertempat di negara tuan rumah sendiri iaitu Malaysia. Kemudiannya akan menyelaras, memproses penyertaan dan penghantaran hakim/peserta/pegawai ke untuk mengambil bahagian dalam pertandingan al-Quran peringkat antarabangsa di luar negara (JAKIM, 2021). Dan juga turut menganjurkan Majlis Sambutan Awal Hijrah, Majlis Sambutan Maulidul Rasul SAW dan Majlis Sambutan Nisfu Sya'ban pada setiap saban tahun dengan dihadiri oleh perwakilan Pejabat Atase Agama dari Mesir (Hamdani, S. M., Abd Ghani, Z., Noor, K. M., & Mahyuddin, M. K. ,2021).

Semua usaha yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi hubungan kerjasama serantau dan antarabangsa dalam hal ehwal Islam, selain memastikan syiar Islam tersebar luas (JAKIM, 2021).

Sumbangan JAKIM Terhadap Masyarakat Malaysia

Sejak penubuhannya, JAKIM banyak memberi sumbangan terhadap Malaysia dalam pelbagai bidang. Antara sumbangan yang telah diberikan oleh institusi ini adalah;

1. Sumbangan JAKIM dalam industri halal

Pengambilan makanan haram dan yang diragui status kehalalannya atau syubhah memberi impak yang buruk terhadap pembangunan kerohanian dan pembentukan akhlak umat Islam. Hal ini kerana Islam telah meletakkan dengan jelas garis panduan halal dan haram dalam pengambilan makanan dan minuman dan ia termasuk dalam tuntutan ibadah berdasarkan firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ ءِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Maksudnya: *“Wahai orang-orang Yang beriman! makanlah dari benda-benda Yang baik (yang halal) Yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadaNya.”*
(Surah al-Baqarah: 172)

Berdasarkan kepada peranan JAKIM dalam hal ehwal pensijilan halal di Malaysia, masyarakat Malaysia kini lebih mudah mengetahui dan mengenal pasti produk-produk yang halal digunakan oleh umat Islam. Antara usaha JAKIM adalah dengan mengeluarkan logo dan pensijilan halal rasmi untuk produk-produk yang telah melalui pelbagai proses khas yang menentukan status halal dan haram sesuatu produk. Natijahnya, masyarakat Islam di Malaysia mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang tinggi terhadap pensijilan halal yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM. Masyarakat kini lebih cenderung membeli dan menggunakan produk-produk yang diiktiraf kehalalannya oleh JAKIM berbanding dengan pengiktirafan dari badan lain Shahwahid, F. M., Wahab, N. A., Ager, S. N. S., binti Abdullah, M., Hamid, N. A. A., Saidpudin, W., ... & Othman, N. , 2017). Selain pengeluaran sijil halal di Malaysia, JAKIM juga menyumbang dari segi pengiktirafan pensijilan halal dari negara-negara luar. Hal ini kerana, terdapat lambakan pensijilan halal yang diragui kesahihannya terutama produk-produk yang diimport dari negara luar sehingga menyebabkan masyarakat keliru adakah status halal tersebut diiktiraf atau tidak. Namun, seiring dengan peredaran zaman, JAKIM telah menaik taraf perkhidmatannya dengan menyediakan laman sesawang yang membolehkan masyarakat memeriksa status-status halal yang diiktiraf oleh JAKIM sama ada di Malaysia dan luar negara.

2. Sumbangan JAKIM dalam aspek ekonomi

Kewujudan JAKIM dalam sejarah pentadbiran negara tidak dinafikan lagi mempunyai sumbangan yang besar terhadap rakyat Malaysia khususnya umat Islam. JAKIM sebagai sebuah institusi yang diberi mandat oleh kerajaan untuk menguruskan hal ehwal agama dan menjaga martabat agama Islam di Malaysia dilihat telah melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan banyak menyumbang kepada kemaslahatan umat Islam. Selain itu, JAKIM juga menyumbang dalam segi ekonomi negara. JAKIM telah bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam menangani masalah berkaitan muamalat khususnya di bank-bank dan badan yang menjalankan perniagaan secara Islamik, mengenai halal dan haram serta riba. Oleh itu, JAKIM menyumbang dalam memajukan institusi kewangan negara dan sistem perbankan Islam demi kemajuan ekonomi yang direndahkan Allah (Bakar, M. S. A., Zakaria, W. F. A. W., & Salleh, K., 2016).

3. Sumbangan JAKIM terhadap hal ehwal agama

Peranan JAKIM dalam menangani hal ehwal agama Islam dilihat telah memberi impak yang besar terhadap masyarakat Malaysia khususnya umat Islam di Malaysia. Sumbangannya yang tidak berterusan dalam aspek keagamaan ini telah menyebabkan ajaran agama Islam di Malaysia semakin berkembang selain menyebarkan kefahaman dan pengetahuan kepada masyarakat yang bukan Islam untuk mengenali Islam. Disamping itu, sumbangan JAKIM dalam pembangunan ummah dan penghayatan tentang Islam iaitu dengan mengadakan program-program berbentuk bimbingan keagamaan seperti dakwah di tepi jalan, dialog antara agama dan lain-lain. Selain itu, penerbitan manual Islam oleh JAKIM sebagai panduan kepada masyarakat, individu atau organisasi tertentu dalam menangani sesuatu masalah yang berkaitan dengan hal ehwal agama. Pada tahun 2013, Manual Islam dan Mak Nyah telah diterbitkan dengan cetusan idea daripada Ustaz Haji Zakwan, bekas Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti JAKIM akibat daripada

penularan isu peningkatan golongan Mak Nyah di Malaysia (Subri, N. S. M., Ahmad, K., & Azid, M. A. A., 2020). Penggubalan manual ini adalah berfungsi sebagai panduan kepada masyarakat, badan sukarelawan dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam menangani isu-isu Mak Nyah di Malaysia. Program-program seperti ini memberi impak yang besar dalam menangkis pemikiran atau salah faham masyarakat bukan Islam tentang Islam itu sendiri. Program sebegini amat diperlukan kerana kebanyakan masyarakat Malaysia bukan Islam sering kali mempersoalkan mengenai ajaran Islam serta membuat tuduhan yang buruk terhadap Islam. Oleh itu, secara tidak langsung ia dapat melenturkan banyak masalah antara agama (Azizan Baharudin, 2014).

Hala Tuju JAKIM

Menjadi sebuah kepentingan bagi setiap organisasi yang besar untuk menyediakan garis panduan dengan merangka dan membentangkan hala tuju sesebuah organisasi untuk suatu tempoh yang tertentu. Begitulah juga yang dilaksanakan oleh organisasi yang besar seperti JAKIM dengan membangunkan Dokumen Pelan Strategik JAKIM 2019-2025 bagi menerangkan hala tuju dan rangka kerja JAKIM bagi tempoh tujuh tahun yang mendatang, yang dimana ianya telah digubal sebaris dengan visi JAKIM untuk menjadi sebuah organisasi peneraju pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia. Pelan strategik ini memainkan peranan yang penting sebagai rujukan kepada seluruh warga JAKIM bagi melaksanakan agenda organisasi secara sistematik dan berkesan berdasarkan kepada strategi yang telah digariskan. Selain itu, ia juga menjadi panduan kepada pihak-pihak berkepentingan dan pelanggan JAKIM. (JAKIM, 2020).

Penelitian semula ini dilakukan bertujuan untuk penambahbaikan dan pembaharuan agar sejajar dengan rasionalisasi JAKIM dan perubahan dasar-dasar perkhidmatan awam yang ditentukan oleh pihak-pihak yang berkepentingan atau pemegang taruh mengenai peningkatan kualiti pengurusan hal ehwal islam di Malaysia.

Dan di antara tujuan lain bagi pelan strategik ini dibangunkan ialah untuk membina hala tuju dan rangka kerja JAKIM agar sentiasa seiring dengan matlamat negara untuk memperkukuh fungsi dan peranan JAKIM seperti yang telah diputuskan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Disamping itu, ia juga boleh memantapkan lagi imej dan kualiti perkhidmatan awam dengan menyediakan perkhidmatan terbaik yang lebih efisien dan responsif dengan mengangkat konsep ketelusan, akauntabiliti dan integriti kepada rakyat dan negara. (JAKIM, 2020).

Bagi mejayakan visi dan misi JAKIM, pelan ini merangkumkan latar belakang jabatan dan hala tuju strategik bagi memberi gambaran secara keseluruhannya mengenai perancangan strategik JAKIM dengan menyenaraikan sebanyak tujuh teras strategik untuk diaplikasikan dalam organisasi perkhidmatannya selama tempoh tujuh tahun yang mendatang.

Teras strategik pertama yang cuba untuk dicapai ialah memperkasa penyelarasan dan penyeragaman Undang- Undang Islam ke arah pelaksanaan syariat yang lebih berhikmah. Teras strategik yang kedua pula ialah usaha JAKIM dalam memperkukuhkan pentadbiran islam melalui penyelidikan dan pembangunan dasar yang lebih progresif berteraskan maqasid syariah. Selain itu, ia juga membina keperibadian unggul melalui pemerkasaan sistem pendidikan islam ke arah kesejahteraan ummah menjadi teras strategik yang ketiga dengan disusuli pemantapan kefahaman dan penghayatan islam secara inklusif bagi melahirkan masyarakat yang berakhlak sebagai teras strategik yang keempat.

Di samping itu, teras strategik yang seterusnya akan menfokuskan kepada pengukuhan rangka kerja dan inisiatif halal ke arah mengekalkan Malaysia sebagai peneraju Halal Global. Kemudian, teras strategik ini akan lebih menitikberatkan kepada membudayakan tadbir urus organisasi berlandaskan nilai kesopanan, keprihatinan dan kepedulian ke arah merakyatkan perkhidmatan awam. Akhir sekali, ia akan mempergiatkan usaha untuk meningkatkan keupayaan sosioekonomi umat islam menerusi penyelarasan polisi yang komprehensif dan inklusif (JAKIM, 2020).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penubuhan JAKIM dilihat telah memberi impak yang besar kepada keharmonian dan kelestarian negara. Peranan dan sumbangan JAKIM sebagai badan penyelaras pembangunan hal ehwal agama dan kemajuan ummah disamping menjaga hak beragama bagi setiap kaumnya. Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran tersendiri dalam melaksanakan tugas, badan JAKIM teruskan dengan usaha mereka menjadi agensi utama pengurusan hal ehwal agama di Malaysia. Oleh itu, masyarakat perlu sedar akan kewujudan penubuhan badan JAKIM ini. Semoga dengan penubuhan badan JAKIM dapat menjadikan pengurusan dalam hal ehwal agama di Malaysia terus dipelihara berpandukan syariat ajaran Islam yang sebenarnya. Diharapkan dengan sedikit perkongsian berkaitan badan penubuhan JAKIM ini mampu membuka mata dan memberi ilmu kepada masyarakat untuk mengenali sebuah institusi yang banyak menyumbang kepada keharmonian ummah.

Rujukan

Al- Quran al-Karim

- Ahmad, K. A., Nor, N. H. M., Shariff, S., & Ahmad, N. Z. A. (2012). Determinants of Purchase Intention Towards Halal Products Between Rural And Urban Muslim Consumers In Melacca. In *Proceedings of International Conference of Islamic Economy And Business*.
- Azizan Baharuddin. (2014). Temu bual, 20 Ogos.
- Bakar, M. S. A., Zakaria, W. F. A. W., & Salleh, K. (2016). Cabaran institusi hisbah dalam dunia kontemporari serta usaha-usaha bagi memperkasakannya. *Jurnal Ilmi*, 1(1).
- Chek, Y., & Mohamad, S. (2016). Sumbangan Darul Quran (Jakim) terhadap pengajian al-Quran dalam kalangan orang kurang upaya penglihatan. *Al-Turath Journal Of Al-Quran And Al-Sunnah*, 1(2), 25-33.
- Dahalan, Z. (2008). Al-Rahmaniah: Sejarah dan peranan yang Pernah dimainkannya dalam aktiviti-aktiviti Dakwah Islamiah di Malaysia. *Esteem Academic Journal*, 4(2), 133-150.
- Halim, M. A. B. A., & Salleh, M. M. M. (2018). Peranan JAKIM dan JAIN dalam kes yang melibatkan penyalahgunaan label halal pada produk makanan. *Malaysian Journal of Syariah and Law*.
- Hamdani, S. M., Abd Ghani, Z., Noor, K. M., & Mahyuddin, M. K. (2021). Hubungan Diplomatik Malaysia Dalam Pengurusan Hal Ehwal Islam.
- Harun, N. H., & Abdullah, M. A. N. H. H. (2022). The Roles of Government and Higher Education Providers in Halal Education Development in Malaysia. In *Selected Proceedings from the 1st International Conference on Contemporary Islamic Studies (ICIS 2021)* (pp. 247-256). Springer, Singapore.
- Mas'od, M. A. B. (2015). Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Islam di Malaysia. *Cetakan ke-2. Wilayah Persekutuan: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*.
- Mohd Zain, J., & Engku Alwi, E. A. Z. (2014). Aktiviti Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan Dan Cabarannya.
- Mustafa Afifi Ab Halim dan Kamilah Wati Mohd (2012). "Keberkesanan Penguatkuasaan Undang-undang Berkaitan Produk Halal Bagi Perlindungan Pengguna." In *Proceedings of Seminar Persidangan Fiqh Muamalah Dan Isu-isu Fiqh Semasa 2012*, edited by UKM Faculty of Islamic Studies, 1-11. Cherating, Pahang. http://www.ukm.my/jsyaria/index.php?option=com_content&view=article&id=11&Itemid=11
- Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Ramly, A. F. (2022). Sophian Rambli1 Engku Ahmad Zaki Engku Alwi2 Azaruddin Awang3 Azman Che Mat4. *Journal of Islamic*, 7(43).

- Surip, A. G., Nasir, B. M., & Baharuddin, A. S. (2016). Pelaksanaan Organisasi Dan Aktiviti Islam Hadhari Di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): Satu Pengamatan Awal. *Sains Humanika*, 8(3-2).
- Subri, N. S. M., Ahmad, K., & Azid, M. A. A.(2020). Peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Dalam Menangani Golongan Mak Nyah Di Malaysia.
- Shahwahid, F. M., Wahab, N. A., Ager, S. N. S., binti Abdullah, M., Hamid, N. A. A., Saidpudin, W., ... & Othman, N. (2017). Peranan agensi kerajaan dalam mengurus industri halal di Malaysia: Isu dan cabaran yang dihadapi. *Repository YARSI*, 284-303.
- Zohdi, M., Ramli, Y. M., & Awang, J. (2014). The role and contribution of JAKIM in interfaith dialogue. *International Journal of Islamic Thought*, 26-36.